

14/10/1999

Bufori Motor pindah operasi ke Malaysia

SELEPAS hampir tujuh tahun idea membawanya ke Malaysia dicetuskan, akhirnya seluruh operasi pengeluaran, pemasangan, penyelidikan dan pembangunan kereta sports replika klasik, Bufori, dipindahkan dari Australia ke negara ini.

Kemudahan pengeluaran Bufori di Kepong, Kuala Lumpur, dimiliki oleh keluarga Khouri dari Australia menerusi syarikat baru yang diperbadankan 29 Julai 1998, Bufori Motor Car Company, dengan seorang pemegang saham Bumiputera.

Pengarah Urusan Autoindustries Ventures Bhd, Abdul Razak Harun, adalah rakan kongsi tempatan dalam usaha sama itu dengan memegang 21 peratus kepentingan dan dilantik sebagai pengarah syarikat.

Ini adalah syarikat usaha sama baru selepas kegagalan perkongsian Khouri dan syarikat dari Malaysia, STI Bufori Sdn Bhd, pada 1994 untuk memasang dan mengedarkan kereta itu di negara ini.

Semalam, Bufori menandatangani perjanjian hak pengedaran dengan DRB-Hicom Export Corporation Sdn Bhd (DHEC) untuk memasarkan kereta Bufori model MKII di pasaran tempatan dan luar negara.

Model Bufori yang akan dipasarkan di Malaysia dan luar negara dijadualkan dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pameran Motorsports Kuala Lumpur, di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Bercakap pada sidang media selepas majlis menandatangani perjanjian itu, pengarah Bufori, Anthony Khouri, berkata Bufori membuat pelaburan RM30 juta untuk membina pusat pengeluaran kereta buatan tangan itu di Malaysia. Sebanyak RM10 juta lagi dilaburkan untuk program penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Katanya, kemudahan pengeluaran di Australia sudahpun menghentikan operasi dan akan ditutup sepenuhnya selepas 10 tahun mengeluarkan dan memasarkan kira-kira 300 unit kereta sports itu.

Di Malaysia, semua reka bentuk model, program R&D dan operasi pengeluaran dijalankan di bawah satu bumbung selepas lesen pengilangan penuh diperolehi dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada Mei lalu.

Kemudahan di Kepong berkeupayaan mengeluarkan enam unit sebulan.

Pengarah DHEC, Abdul Rashid Abdul Rahim, berkata tiga tempahan sudah disahkan dari luar negara iaitu Brunei, Cyprus dan Turki, manakala 21 unit tempahan dalam negara.

Katanya, 17 unit pemilik Bufori dalam negara akan menerima kunci masing-masing tidak lama lagi manakala tujuh lagi pembeli luar negara masih berunding.

Harga cadangan yang dikemukakan untuk kelulusan kerajaan ialah di bawah RM195,000.

(END)